

26/09/2000

PM sampaikan ucapan dasar persidangan di London

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadual menyampaikan ucapan dasar pada persidangan "Kerjasama Malaysia-Britain untuk Abad ke-21" yang akan berlangsung di London pada 5 Oktober ini.

Persidangan itu, yang akan diadakan sempena Mesyuarat Tahunan Majlis Perniagaan Malaysia-Britain (MBBC), adalah anjuran Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli) serta Asia House London.

Kira-kira 60 ahli perniagaan terkemuka dijangka menghadiri persidangan besar berkenaan yang akan dirasmikan oleh Setiausaha Perdagangan dan Industri, Britain, Stephen Byers.

"Perdana Menteri akan turut mengadakan sesi dialog dengan peserta pada persidangan itu," kata Ketua Eksekutif Asli yang juga Pengarah Eksekutif Bersama MBBC, Datuk Michael Yeoh.

Persidangan itu akan memberi tumpuan kepada bagaimana meningkatkan hubungan perniagaan dua hala antara Britain dan Malaysia, di samping memberi maklumat terkini mengenai hala tuju ekonomi Malaysia.

Bercakap dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Asli di Petaling Jaya, semalam, Yeoh berkata, persidangan itu akan turut mengutarakan mengenai prospek pelaburan kepada ahli perniagaan Britain.

Antara yang akan turut berucap termasuk Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis) Tan Sri Dr Noordin Sopiee; Gabenor Bank Negara, Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz dan Pengerusi Multimedia Development Corporation Sdn Bhd Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah.

Satu seminar khas mengenai pasaran kewangan dan modal akan juga diadakan di London bagi menerangkan perkembangan terkini mengenai prospek pasaran modal Malaysia kepada pengurus dana dan pelabur institusi Britain.

"Pengerusi Eksekutif Bursa Saham Kuala Lumpur, Datuk Mohd Azlan Hashim, akan memaparkan mengenai perkembangan kawal seliaan korporat di Malaysia bagi menarik lebih ramai pelabur Britain di samping mendapatkan semula keyakinan di kalangan dana institusi," katanya.

Beliau berkata, inilah pertama kali strategi serampang dua mata diguna pakai iaitu dengan mengadakan dua acara serentak di London, satu memberi tumpuan kepada hubungan perniagaan dua hala dan satu lagi mengenai pasaran modal.

Mesyuarat MMBC akan diadakan di London dan dipengerusikan bersama oleh Pengerusi Standard Chartered Bank, Sir Patrick Gillam dan Presiden Asli, Mirzan Mahathir.

Majlis itu akan membincangkan beberapa inisiatif dan program bersama di dalam teknologi maklumat (IT), pembangunan infrastruktur dan pembangunan pendidikan dan sumber manusia.

Yeoh berkata, majlis itu juga mungkin mewujudkan dua kumpulan kerja yang akan memberi tumpuan kepada industri bioteknologi dan pelancongan/perhotelan yang menjadi bidang pertumbuhan penting Malaysia.

Dr Mahathir juga akan menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan oleh kerajaan Britain.

Antara ahli perniagaan terkemuka yang akan menghadiri persidangan itu termasuk Tan Sri Azman Hashim, Datuk Mohd Radzi Mansor dan Tan Sri Francis Yeoh Sock Ping.

(END)